
PEKELILING BENDAHARI BIL. 7/2025

Rujukan : UNIMAS/BEND/01-02/03 Jld 3(13)
Kepada : Dekan/Timbangan Dekan/Pengarah/Ketua Unit/Ketua Penolong
Pendaftar/Penolong Pendaftar
Daripada : Bendahari
Tarikh : 12 Jun 2025
Perkara : **Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 Bagi
Universiti Malaysia Sarawak Selaras Dengan Pekeliling Perbendaharaan
Malaysia PK 2.21**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj) berhubung Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) selaras dengan peraturan PK2.21, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Secara Edaran pada Isnin, 26 Mei 2025.

1. Latar Belakang

- a) Pemakaian Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2023 ke-109 yang bersidang pada 27 Ogos 2023 dan **Pekeliling Bendahari Bil.4/2023 bertarikh 30 Ogos 2023** telah dikeluarkan bagi menggunakan had nilai perolehan kerja kerajaan dinaikkan ke nilai ambang yang baharu yang berkuatkuasa sehingga **31 Disember 2024** seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai Sedia ada yang berkuatkuasa	Pindaan Had Nilai (Tertakluk kepada PK 2.21)
Lantikan Terus	Sehingga RM50 ribu	Sehingga RM50 ribu (kekal)
Sebut harga	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Melebihi RM50 ribu sehingga RM1 juta
Tender	Melebihi RM500 ribu	Melebihi RM1 juta

- b) Pindaan nilai ambang seperti di perkara 1.(a) telah dilanjutkan penggunaannya kepada **1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025** melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK2.21 dan diluluskan untuk digunakan oleh Lembaga Pengarah Bil.1/2025 yang bersidang pada 10 Februari 2025. Pekeliling Bendahari Bil.3/2025 bertarikh 17 Februari 2025 telah dikeluarkan bagi melanjutkan penggunaan nilai ambang tersebut.

- c) Lanjutan daripada itu, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.21- Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan tahun 2025 yang berkuatkuasa 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 dengan pindaan yang dikemaskini pada 6 Mei 2025.

2. Pelaksanaan

- 2.1 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had penilaian **perolehan kerja** UNIMAS dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai Sedia Ada Yang Berkuatkuasa	Pindaan Had Nilai (Tertakluk kepada PK 2.21)
Lantikan Terus	Sehingga RM50 ribu	Sehingga RM50 ribu (kekal)
Sebut harga	Melebihi RM50 ribu sehingga RM1 juta	Melebihi RM50 ribu sehingga RM 3 juta
Tender	Melebihi RM1 juta	Melebihi RM 3 juta

2.2 Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus

- a) Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) adalah melebihi RM50,000 hingga RM1 juta bagi perolehan kerja yang tertakluk kepada pekeling ini. Bagi had nilai melebihi RM1 juta sehingga RM3 juta hendaklah diputuskan di peringkat Lembaga Perolehan.

- 2.3 Kaedah Perolehan Kerja dengan nilai ambang baharu adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

Pekeling ini hendaklah dipanjangkan kepada staf PTj di bawah seliaan masing-masing agar pematuhan kepada pekeling ini dapat diikuti sepenuhnya.

Pekeling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025**.

Sekian, harap maklum.



Dr. Hj. Mazlan bin Kiflie

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Pendaftar

**NILAI AMBANG BAHARU PEROLEHAN KERJA
(BERKUATKUASA 1 JANUARI 2025 SEHINGGA 31 DISEMBER 2025)
Pekeliling dikemaskini 6 Mei 2025**

Bil .	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan terus	Hingga RM50,000 (Kekal had nilai seperti PK2.1)	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB); atau ii) mempunyai PPK dan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak).
b.	Sebut Harga	Melebihi RM50,000 hingga RM200,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
		Melebihi RM200,000 hingga RM500,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau

Bil .	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
		Melebihi RM500,000 hingga RM3 juta	<ul style="list-style-type: none"> ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak) • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1 <ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G4 (negeri berkenaan) • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak) • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
c.	Tender	Melebihi RM3 juta	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G5 hingga G7 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak) • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
d.	Gotong Royong	Hingga RM200,000	Pelaksanaan gotong-royong adalah tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan dalam PK2.12